

**NO. SOALAN: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]**

**TARIKH : 15 MAC 2018 (KHAMIS)**

**Dato' Hasbullah Bin Osman [ Gerik ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan masih ramai dalam kalangan pengguna tidak mengetahui hak mereka untuk mendapatkan tebus rugi melalui Tribunal. Apakah tuntutan yang boleh di failkan di tribunal.**

**JAWAPAN:****Tuan Yang Di-Pertua,**

Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) merupakan mahkamah pengguna, alternatif kepada mahkamah sivil untuk para pengguna membawa tuntutan untuk tebus rugi bagi pembelian barangan dan perkhidmatan terhadap penjual atau pembekal untuk hal perkara di bawah bidangkuasa TTPM yang diperuntukan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599]. Jenis tuntutan yang boleh difailkan adalah tebus rugi untuk kerosakan barangan di bawah jaminan, barangan yang dibeli tidak dibekalkan, representasi palsu dan mengelirukan terhadap barang atau perkhidmatan yang dibekalkan juga termasuk barangan atau perkhidmatan dibekalkan tidak seperti diiklankan, dijanjikan, tidak selamat dan tidak menepati piawaian, harga barang atau perkhidmatan yang dibekalkan melebihi harga yang diiklankan dan tidak menyediakan tawaran, hadiah atau benda percuma yang dijanjikan. Jumlah tebus rugi tuntutan hendaklah tidak melebihi Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu (RM25, 000) dan dalam tempoh masa tiga (3) tahun terakrunya tindakan tersebut.

Sejak tahun 2013 sehingga 31 Disember 2017, TTPM telah menerima sebanyak Tiga Puluh Satu Ribu Empat Ratus Tiga Puluh Empat (31,434) tuntutan bagi barangan dan perkhidmatan dengan nilai tuntutan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Empat Puluh Satu Juta Sembilan Ratus Tiga Puluh Empat Ribu Lima Ratus Empat Puluh Lima (RM141, 934,545) dan award yang dikeluarkan sebanyak Ringgit Malaysia Empat Puluh Sembilan Juta Tujuh Ribu Sembilan Ratus Dua Puluh Lima (RM49,007,925).